

# Pemberian baucar buku perlu seiring pembudayaan membaca terbimbing

**Perdana Menteri**, Datuk Seri Anwar memetik kata-kata Sayidina Ali Abi Talib yang pernah disifatkan Rasulullah SAW sebagai pintu kepada gedung hikmah, iaitu ilmu memberikan 'lazzatul hikmah' sehingga memperkaya minda dan memberikan kewarasan, kebijaksanaan serta hikmah ketika menyempurnakan perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL), semalam.

Pesanan itu sangat signifikan kerana Perdana Menteri mengumumkan pemberian baucar buku bernilai RM100 bagi pelajar Tahap Dua sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai menyahut permohonan dibuat Pengerusi Pengelola PBAKL, Mohd Khair Ngadiron. Meskipun pada awalnya ramai menyangka ia mungkin bermula tahun depan, Anwar menjejutkan khalayak apabila menegaskan baucar berkenaan boleh dituntut melalui mekanisme akan diumumkan, mulai jam 2 petang ini.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna pemberian baucar itu mengulangi apa pernah ditawarkan kerajaan terdahulu hingga memberikan kebebasan kepada pengguna bukan sahaja membeli bahan bacaan, bahkan berlaku ketirisan apabila menggunakannya untuk produk selain buku. Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan sebahagian daripada jumlah itu perlu digunakan untuk karya klasik dan moden yang penting termasuk Sasterawan Negara (SN) serta pengetahuan mengenai digital terutama kecerdasan buatan (AI), bukan lagi hanya tulisan picisan.

Hakikatnya, penegasan Perdana Menteri itu selari dengan apa yang pernah kita ungkapkan dalam ruangan ini, Jumaat lalu, iaitu negara memerlukan budaya pembacaan dipimpin secara berilmu oleh ilmuwan sama ada atas kapasiti individu mahupun institusi. Kita tidak mahu keghairahan membaca tersangkut pada tahap trend dan hobi, jauh sekali membawa pembaca kepada kesan kamar gema atau *echo chamber* sehingga seseorang terdedah kepada pandangan sama walaupun salah.

Perdana Menteri sendiri mengakui bimbang minat membaca dalam kalangan generasi muda menurun hingga diganti dengan media sosial yang mengambil alih sebagai sumber pengetahuan ringkas dan singkat. Justeru, pengumuman baucar buku dengan mekanisme itu boleh dianggap sebagai usaha kerajaan untuk memastikan pembudayaan membaca bukan sahaja dipulihkan, bahkan ditingkatkan nilai keintelektualan dan keilmuan yang holistik.

Oleh itu, kita berharap usaha pembudayaan membaca tidak terhenti pada pemberian baucar dengan mekanisme baharu dan telus, sebaliknya menjadi langkah awal dalam melahirkan pembaca bijaksana serta berilmu terutama generasi baharu dan muda. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) perlu mengemukakan dasar serta naratif baharu untuk menjadikan rakyat kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara maju lain yang sinonim dengan budaya membaca.

Usaha ini tidak terhenti kepada kedua-dua kementerian yang terbabit dalam baucar buku, bahkan Kementerian Perpaduan Negara yang bertanggungjawab kepada institusi perpustakaan serta Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Malah, kerjasama ini perlu merentas entiti kerajaan dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) turut memikul taklif tamadun ini, selain syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil serta madani.